

Jenis Akhbar : SelangorKini
Tarikh : 07/08/2024
Edisi / Muka Surat : Nasional (18)
Tajuk : RM6 Juta Untuk Perkara Koperasi

RM6 juta untuk perkara koperasi

SHAH ALAM - Peruntukan RM6 juta disediakan kepada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) untuk meningkatkan kekuatan koperasi di seluruh negara, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu RM2 juta diselaraskan melalui dana Jualan Rahmah bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk memperkasa organisasi itu.

"Kita ada perkampungan Madani yang ambil jawatankuasa masjid, persatuan belia dan wanita. Saya hendak masukkan koperasi dalam kelompok itu.

"Dalam program berkenaan, RM2 juta disalurkan Angkasa kepada koperasi di bawah," katanya dalam penutupan Kongres Koperasi Kebangsaan 2024 di ibu negara pada 26 Julai.

Katanya, RM1 juta pula peruntukan baharu bagi program Asean Cooperative sepanjang Kepengerusian Asean 2025 supaya gerakan koperasi menjadi antara agenda penting negara serantau tahun depan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA